

24. Membuat Kuih Bersama

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

- | | |
|----------------|----------|
| membuat kuih | membakar |
| membantu | baunya |
| menerap adunan | menyusun |

Minggu hadapan kami akan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Ibu sibuk **membuat kuih**. Saya dan kakak **membantu** Ibu.

Kami membuat pelbagai kuih-muih. Salah satu daripadanya ialah kuih tat. Ibu menyiapkan adunan dan intinya. Kakak pula **menerap adunan** dan saya meletakkan intinya ke dalam adunan tersebut.

Setelah itu, Ibu **membakar** kuih-kuih itu hinggalah masak. **Baunya** sungguh enak sekali.

Apabila kuih-kuih itu sudah masak, saya dan kakak **menyusun** kuih-kuih tersebut di dalam botol. Kami amat berpuas hati setelah merasa kuih tat yang telah kami buat itu. Rasanya sungguh lazat!